

# 4

## SENI ISLAM


### 4.1 PENGENALAN SENI ISLAM

Seni Islam awal bermula sejak kurun ke-7 selepas masihi. Pengaruh seni Islam berkembang ke negara-negara di Timur Tengah, Afrika Utara, Utara India dan Sepanyol. Seni Islam telah berkembang dengan pesatnya dengan membawa pengaruh Seni Roman, Seni Awal Kristian dan Bizantin. Pengaruh dari Persia, Turki, Mongol dan China juga dapat dilihat dalam seni catan, tembikar dan tekstil. Lukisan dalam seni Islam adalah terdiri daripada corak-corak geometri dan organik yang abstrak. Seni bina arca dan hiasan seni bina Islam telah berkembang pesat. Seni bina utama bagi Islam ialah pembinaan masjid. Masjid merupakan tempat beribadah serta aktiviti-aktiviti keagamaan bagi orang Islam.

Ciri-ciri utama sesebuah masjid adalah seperti “sahn” atau laman tertutup, menara, muqarnas dan dewan solat. Kiblat mempunyai ruang yang dipanggil mihrab (tempat kecil dan khusus) yang ditetapkan di dalamnya dengan mengikut arah Mekah. Menjelang akhir pada abad ke-7, raja-raja Islam telah mula membina struktur yang lebih besar dan terperinci. Bahagian luar masjid termasuklah bahagian menara tinggi, seperti yang ditambah pada Hagia Sophia di Turkey apabila ia telah diubah daripada gereja kepada sebuah masjid.

## 4.2 KALIGRAFI

Seni khat atau kaligrafi berasal dari perkataan Greek, iaitu *kallos* (kecantikan) dan *graphos* (tulisan). Penulisan seni khat kaya dengan bentuk-bentuk seni indah yang kelihatan mudah dan unik. Setiap huruf dan tanda adalah hasil pengukuran teliti dengan pelbagai adunan garisan. Selain kualiti hiasan, ia memberi impak dan nilai yang berharga mengenai sesuatu objek daripada aspek fungsi, pembuatan, penaung, tarikh serta tempat pengeluaran. Beberapa faktor seperti kandungan teks dan bentuk, serta fungsi objek menjelaskan jenis-jenis skrip yang digunakan. Lihat (Rajah 4.1 dan 4.2).



Rajah 4.1 : Enam pen (skrip berkadar) semua pembacaan Bismillah.



Rajah 4.2: Skrip kepelbagaian khat Kufi, pembacaan Bismillah.